

TEKS UCAPAN ALUAN
YBRS. PROF. DR. AHMAD FARID ABIDIN @
BHARUN
PENGARAH PUSAT ASASI

MEWAKILI
YBRS. PROF DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA
MAJLIS JALINAN UKHWAH RAMADAN
ANJURAN ICAN

14 MAC 2025 | JUMAAT | 6:00 PETANG

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN

WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL ANBIYAI

WAL MURSALIN WA ALA ALIHI WASOHBIHI

AJMAIN

YBrs. Profesor TPr. Dr. Jamalunlaili Abdullah

Timbalan Naib Canselor

Jaringan Industri, Komuniti & Alumni (ICAN)

Universiti Teknologi MARA

YBhg. Dato' Ir Ts. Dr. Hj. Abdul Manaf Hanafi

Pengarah Urusan Grand Teknik Sdn Bhd

Merangkap Presiden Persatuan Alumni Fakulti

Kejuruteraan UiTM

YBrs. En. Saiful Azri Zulkifli

Pengasas & Pengarah Urusan Khatam Festive Apparel Sdn Bhd *yang juga merupakan* alumni Pusat Asasi UiTM

Barisan Pengurusan Kanan

Jabatan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN UiTM)

Jemputan khas Alumni Pusat Asasi UiTM, Wakil Media, warga Pusat Asasi UiTM, serta hadirin yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam
UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan izin-Nya diberi kesempatan untuk kita berkumpul pada petang ini.
2. Terlebih dahulu, **mewakili Profesor Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman, Rektor UiTM Cawangan Selangor**, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir atas kesudian melapangkan waktu untuk turut sama menjayakan **Majlis Jalinan Ukhwah Ramadan**.
3. Sesungguhnya, bulan Ramadan adalah bulan penuh keberkatan yang menggalakkan kita untuk mengeratkan silaturahim dan memperkukuh ukhwah.
4. Justeru, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Encik Saiful Azri Zulkifli**,

pemilik Khatam Festive Apparell, atas kesudian beliau menaja baju raya kepada 80 pelajar Pusat Asasi UiTM.

5. Keprihatinan dan sumbangan beliau amatlah dihargai dan sumbangan ini pastinya membawa kegembiraan kepada para pelajar yang menerimanya.
6. Selain itu, UiTM turut berbesar hati dan amat menghargai sumbangan duit raya kepada 80 orang pelajar Pusat Asasi UiTM daripada **Yang Berbahagia Dato' Ir Ts Dr. Hj Abdul Manaf Hanafi, Presiden Persatuan Alumni Fakulti Kejuruteraan UiTM (EFAA)** merangkap **Pengarah Urusan Grand Teknik Bina Sdn. Bhd.**
7. Terima kasih diucapkan kepada Dato' atas keprihatinan serta kemurahan hati yang begitu bermakna buat para pelajar kita.

8. Ucapan terima kasih juga kepada **Encik Ahmad Fariz Hassan**, yang merupakan **alumni Fakulti Perakaunan UiTM dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPS Bhd**, atas kesudian beliau menaja juadah berbuka puasa pada hari ini.
9. Sumbangan ini amat dihargai dan pastinya menambahkan lagi keberkatan serta kemeriahan majlis kita pada hari ini.
10. Semoga kebaikan para penyumbang kita pada hari ini mendapat ganjaran yang berlipat ganda daripada Allah SWT.
11. Seterusnya, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Yang Berusaha Profesor TPr. Dr. Jamalunlaili Abdullah** dan **Pusat Jaringan Alumni, Jabatan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN)** atas inisiatif

menganjurkan majlis ini dengan kerjasama Pusat Asasi.

12. Usaha murni ini bukan sahaja menjadi platform untuk kita mengeratkan hubungan, tetapi juga melambangkan semangat kebersamaan dan kasih sayang dalam komuniti UiTM yang kita sayangi ini.

13. Tidak dilupakan, ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan majlis ini, termasuk ahli jawatankuasa penganjur, para pensyarah, staf serta para pelajar yang turut serta dalam menjayakan program ini.

14. Tanpa kerjasama dan sokongan padu daripada semua, majlis yang penuh keberkatan ini tidak akan dapat direalisasikan.

Hadirin yang dirahmati sekalian,

15. Saya percaya, jalinan ukhuwah dan kerjasama dengan alumni memberikan banyak manfaat kepada komuniti kita.
16. Bukan sahaja ia memperkukuhkan hubungan antara generasi, malah ia juga membuka ruang kepada lebih banyak peluang bantuan, perkongsian ilmu dan bimbingan untuk para pelajar.
17. Alumni yang kembali menyumbang kepada universiti adalah bukti bahawa pendidikan bukan sekadar memperoleh ilmu, tetapi juga tentang memberi manfaat dan mencipta nilai untuk masyarakat.
18. Kesediaan para alumni untuk sentiasa menyokong alma meter mereka membuktikan semangat kebersamaan yang tinggi, di samping membantu membina jaringan profesional yang lebih luas bagi

generasi masa depan.

19. Semoga majlis ini menjadi pemangkin kepada lebih banyak lagi program yang membina ukhwah serta menyuburkan nilai-nilai murni dalam kalangan kita.

20. Akhir kata, saya berharap agar kita semua dapat memanfaatkan bulan Ramadan ini dengan penuh keinsafan dan keberkatan.

21. Izinkan saya mengakhiri ucapan ini dengan serangkap pantun.

Terima kasih yang tak terperi,
Hadir memeriah dengan harmoni,
Ukhuwah terjalin seikhlas hati,
Ramadan berkat dirahmati Ilahi.

Sekian.

**Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.**